

**JAWAHIR AL-QURAN** Oleh Imam Abu Hamid Al-Ghazali (wafat: 505H). 2019. Beirut: Dar al-Minhaj. Halaman: 272 ISBN: 978-9953-541-06-8

## PENDAHULUAN

Ketokohan Imam Al-Ghazali seringkali dikaitkan dengan penguasaan beliau yang mendalam dalam ilmu kalam, falsafah, fikah, usul fikah dan tasawuf. Hal ini dibuktikan melalui karya-karya beliau yang masyhur dan berpengaruh seperti *Ihya' Ulumiddin*, *Minhaj al-'Abidin*, *al-Mustasfa*, *Tahafut al-Falasifah* dan lain-lain. Namun begitu, ramai yang tidak menyedari bahawa Imam Al-Ghazali juga menyumbang dalam penulisan ulum Al-Quran melalui karyanya *Jawahir Al-Quran*. Karya ini amat istimewa kerana ia merupakan antara penulisan terawal berkaitan maqasid al-Quran dalam kalangan ulama.

Perbahasan berkaitan maqasid al-Quran giat berkembang akhir-akhir ini seiring dengan berkembangnya wacana maqasid al-Syariah pada kurun ke 19 dan 20. Terdapat berbagai istilah yang sinonim dengan maqasid al-Quran seperti hikmat al-Quran, *matalib al-Quran*, *asrar al-Quran* dan seumpamanya. Perbahasan berkaitan maqasid al-Quran berhubungan dengan konsep-konsep seperti (1) konsep kehendak Allah dan makhluk, (2) konsep makna zahir dan batin, (3) konsep '*illat*' dalam hukum, (4) konsep maslahah dan mafsadah, (5) konsep susunan *awlaviyat* (keutamaan), (6) konsep niat dan tujuan, (7) konsep implikasi dan wasilah, (8) konsep *dharuriyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyat*, (9) konsep *munasabat* (persamaan) dan *furuq* (perbezaan), serta (10) konsep *istithnai* (pengecualian) (Al-Khadimi, 2016).

## SINOPSIS

Imam Al-Ghazali memulakan karyanya dengan mengajak para pembacanya agar tidak membataskan kefahaman terhadap al-Quran pada makna zahir semata-mata. Beliau juga menyeru agar mendalami makna-makna al-Quran dengan cara menelusuri isi-isi tersirat yang diisyaratkan melalui lafaz, struktur ayat dan makna-makna yang tersurat. Menurutnya al-Quran seperti lautan yang luas, dalam dan kaya dengan beraneka mutiara yang berharga. Orang yang berterusan membaca al-Quran tanpa berusaha menggali makna-makna batinnya adalah sama seperti seorang yang berdiri di persisiran pantai namun terhalang daripada hasil mahsul laut kerana tidak menyeberang atau menyelam ke dalam lautannya (Al-Ghazali, 2019).

Bagi mempersiapkan umat Islam untuk meneroka al-Quran secara zahir dan batin, Imam Al-Ghazali mengemukakan senarai ilmu-ilmu yang diperlukan. Beliau juga menjelaskan inti pati dan tujuan utama bagi setiap ilmu tersebut. Imam Al-Ghazali merumuskan terdapat lima ilmu yang diperlukan dalam proses memahami makna-makna zahir iaitu (1) ilmu kebahasaan khususnya berkaitan *mufradat* (kosa kata) bagi mengenal pasti makna sesuatu lafaz, (2) ilmu nahu bagi memahami i'rab dan makna sesuatu ayat, (3) ilmu qiraat bagi mengetahui kepelbagaiannya i'rab sesuatu ayat yang menjadikannya beraneka makna, (4) ilmu tajwid bagi menyempurnakan sebutan, makhraj dan sifat sesuatu huruf ketika membaca, dan akhir sekali (5) ilmu tafsir zahir bagi memahami makna-makna tersurat daripada al-Quran.

Di sisi Al-Ghazali, kelima-lima ilmu ini bukanlah berada pada tahap dan nilai yang sama. Oleh kerana itu, menguasai ilmu berkaitan *mufradat* dan nahu lebih utama daripada menguasai ilmu qiraat semata-mata kerana penguasaan terhadap kedua-dua ilmu tersebut mendekatkan seseorang terhadap makna batin al-Quran yang difahami secara tersirat.

Selain itu, Imam Al-Ghazali juga merumuskan terdapat enam ilmu yang diperlukan dalam proses menggali makna-makna batin al-Quran. Tiga daripadanya dikategorikan sebagai *al-usul al-muhimmah* (dasar-dasar utama) iaitu (1) ilmu mengenal Tuhan meliputi zat, sifat dan perbuatanNya, (2) ilmu mengenal jalan yang harus ditempuh untuk menuju kepada Tuhan dengan ibadat, zikir dan *tabattul* (memutuskan segala hubungan) daripada selain Allah SWT, serta (3) ilmu mengenal akhirat dan hal keadaan bagi setiap tempat tujunya sama ada syurga atau neraka.

Manakala tiga yang berbaki dikategorikan sebagai *al-tawabi' al-mutimmah* (cabang-cabang pelengkap) iaitu (1) ilmu berkaitan kisah para Nabi dan kaumnya meliputi hukuman dan azab Tuhan kepada golongan yang ingkar. Ilmu seperti ini diperlukan oleh para pendakwah dan penceramah dalam menyampaikan mesej-mesej keagamaan kepada masyarakat. Seterusnya (2) ilmu berkaitan kebatilan, kekeliruan dan penyelewengan golongan kafir. Terdapat banyak ayat al-Quran yang merakamkan ucapan dan perdebatan mereka yang mencerminkan iktikad yang salah. Ilmu seperti ini diperlukan oleh ahli kalam bagi menangkis keraguan yang dilemparkan oleh golongan yang menyeleweng daripada landasan agama. Akhir sekali, (3) ilmu berkaitan keduniaan untuk mempersiapkan bekalan dalam perjalanan menuju akhirat. Untuk mencapai tujuan tersebut, seseorang perlu melaksanakan hak dan tanggungjawab terhadap kesihatan tubuh badan, keluarga, harta dan seumpamanya. Bertitik tolak daripada keperluan ini maka lahirnya ilmu fiqh.

Dalam masa sama, ilmu berkaitan keduniaan seperti ilmu perubatan, ilmu falak, ilmu biologi, ilmu geologi dan seumpamanya pada hakikatnya adalah usaha manusia untuk mengkaji, memahami dan mencerap *af'al* (perbuatan-perbuatan) Allah SWT terhadap makluk-makhlukNya. Oleh kerana *af'al* Allah sangat luas, mendalam, sistematik dan bersifat sempurna, maka ilmu-ilmu berkaitannya bergantung kepada kemampuan dan kemajuan manusia dalam mencipta alat-alat untuk mencerap keluasan *af'al*-Nya.

Dengan memahami hakikat ini, maka jelaslah kepada kita gambaran menyeluruh berkaitan hubungan antara al-Quran dengan segala jenis ilmu sama ada bersifat duniawi mahupun ukhrawi. Di sisi Imam Al-Ghazali, semua bidang ilmu pada hakikatnya bersumberkan Allah SWT. Justeru, dengan mendalami kalam Allah melalui al-Quran seseorang akan memperoleh ilmu yang terdapat pada generasi silam dan masa depan. Hal ini disokong oleh sebuah riwayat *mauquf* daripada Ibn Mas'ud r.a yang diriwayatkan oleh Imam (Tabrani, 1994), katanya:

من أراد الخير فليشور القرآن فإن فيه علم الأولين والآخرين

Maksudnya: "Sesiapa yang menginginkan kebaikan, hendaklah dia menggali (makna-makna) al-Quran kerana di dalamnya terdapat ilmu generasi terdahulu dan masa hadapan." (Riwayat Al-Tabrani)

Menurut Imam Al-Ghazali juga, sepermama terdapat hubung kait antara kulit dan isi bagi sesuatu buah, demikian juga terdapat hubung kait antara alam *syahadah* (jasmani) di dunia dan alam *malakut* (rohani) yang bersifat ghaib. Dengan berfikir secara mendalam tentang perkaitan antara kedua-duanya, maka akan tersingkaplah makna-makna batin yang tersirat di sebalik zahir sesuatu lafadz dan ayat al-Quran. Hal ini sama seperti peristiwa yang sering terjadi dalam mimpi-mimpi yang benar, di mana seseorang biasanya ditayangkan dengan suatu gambaran atau senario secara simbolik. Hakikatnya, simbolik tersebut mengisyaratkan mesej-mesej tertentu tentang suatu hakikat yang telah atau bakal terjadi di alam *syahadah* di dunia. Dalam konteks al-Quran, Nabi Yusuf AS diperlihatkan dalam mimpi bahawa sebelas buah bintang, matahari dan bulan yang tunduk hormat kepadanya. Qatadah mentakwilkan bahawa bintang-bintang tersebut merujuk kepada adik-beradik Nabi Yusuf AS, manakala matahari dan bulan melambangkan ibubapanya (Al-Baghawi, 1997).

Penelitian pengulas mendapati tumpuan utama Imam Al-Ghazali dalam karya ini ialah pihak zahiriyyah yang cenderung membataskan pemahaman al-Quran pada kadar makna zahir sahaja. Justeru, beliau menganjurkan agar golongan ini menekuni metodologi al-Quran sendiri yang menampilkan perumpamaan berbentuk simbolik bagi menjelaskan makna-makna yang abstrak. Hal ini seperti firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd ayat 17 dimana Allah mengumpamakan ilmu dengan air hujan, hati sebagai lembah yang menakung air, kesesatan dengan buih-buih yang bersifat keruh, mudah hanyut, tidak bermanfaat dan cepat lenyap. Di penghujung ayat tersebut, Allah SWT berfirman:

كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ أَلْأَمْثَالَ

Maksudnya: "Demikianlah Allah menerangkan misal-misal perbandingan [13: 17]."

## IDEA DAN PENEMUAN BAHARU

Karya Jawahir Al-Quran oleh Imam Al-Ghazali merupakan tulisan terawal berkaitan al-Tafsir al-Maqasidi. Sejauh penelitian pengulas, perbincangan berkaitan al-Tafsir al-Maqasidi terbahagi kepada tiga aspek iaitu (1) al-Tafsir al-Maqasidi sebagai aliran dalam berinteraksi dengan nas, (2) al-Tafsir al-Maqasidi sebagai konsep dan metodologi pentafsiran, serta (3) al-Tafsir al-Maqasidi sebagai produk dalam tafsir, pentarjihan dan istinbat. Oleh itu, karya Imam Al-Ghazali ini merupakan benih-benih awal dalam penulisan ulama berkaitan al-Tafsir al-Maqasidi meliputi dua aspek terawal iaitu (1) dan (2). Oleh kerana itu, Imam Al-Ghazali telah meletakkan batu asas yang signifikan berkaitan al-Tafsir al-Maqasidi dengan menjelaskan (1) legitimasi (*masyru'iyyat*) al-Tafsir al-Maqasidi, (2) kedudukan al-Tafsir al-Maqasidi antara aliran zahiriyyah dan batiniyyah, serta (3) praktik maqasid al-Syariah, maqasid al-Quran dan al-Fikr al-Maqasidi dalam berinteraksi dengan al-Quran.

Pada hemat pengkaji, karya Imam Al-Ghazali ini telah berjaya mengadun dan menyeimbangkan pemikiran sufi dengan pemikiran usuli-maqasidi. Hal ini menjadikan huraihan-huraiannya mengisi aspek jiwa dan akal bagi para pembacanya. Sesuai dengan gagasan Imam Al-Ghazali yang ingin

‘menghidupkan’ ilmu-ilmu agama (*ihya’ ulumiddin*), beliau telah berusaha untuk menjernihkan cara pandang umat Islam terhadap al-Quran, seterusnya mengisi roh kita agar berinteraksi dengan kalam Allah ini seperti yang selayaknya (Al-Ghazali, 2010). Pengulas merasakan perlu untuk diberi perhatian bahawa gagasan Imam Al-Ghazali ini diutarakan dalam suasana keagamaan dan pembelajaran ilmu-ilmu agama yang dilihat seolah-olah ‘mati’ kerana arus perbahasannya yang tersasar daripada roh sebenar al-Quran. Di satu sudut, perbahasannya bersifat kering kerana perdebatan-perdebatan yang berlaku dalam kalangan ahli kalam dan fuqaha. Selain itu, terdapat praktik agama yang terbabas kerana tidak ditambat dengan syariat Islam pada aspek zahir. Oleh kerana itu, maka tidak hairanlah mengapa Imam Al-Ghazali memberi penekanan khusus terhadap aspek jiwa dan akal dalam setiap buku-bukunya (Al-Salabi, 2017).

Selain itu, Jawahir Al-Quran merupakan karya ilmiah yang mesra pembaca kerana tidak banyak menggunakan istilah-istilah yang sukar dan bombastik. Imam Al-Ghazali tidak memberi penekanan yang berlebihan terhadap aspek-aspek teknikal, malah cuba mendekatkan pemahaman terhadap pembacanya dengan memberikan contoh-contoh yang dekat dan praktikal. Contohnya bagi menggambarkan betapa berharganya makna-makna tersirat dalam al-Quran, beliau mengungkapkannya dengan jauhar iaitu permata, mutiara dan batu-batu berharga yang diperoleh secara eksklusif.

Jawahir al-Quran juga menampilkan aplikasi konsep pembahagian *dharuriyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyat* terhadap al-Quran. Hasilnya, Imam Al-Ghazali berjaya mengenal pasti dan mengklasifikasikan maqasid al-Quran mengikut hierarki keutamaannya. Walaupun al-Quran secara keseluruhannya adalah kalam Allah, namun nilainya berbeza-beza sesuai dengan timbangan maqasid. Oleh kerana itu, ayat-ayat al-Quran berkaitan zat, sifat dan *af’al* Allah SWT adalah lebih tinggi nilai dan keutamaannya berbanding ayat-ayat yang lain. Pandangan ini disokong oleh hadis-hadis Nabi SAW yang menyatakan keistimewaan surah al-Ikhlas sebagai satu pertiga al-Quran dan ayat Kursi sebagai ayat teragung dalam al-Quran. Hal ini kerana kedua-duanya mengandungi maqasid al-Quran tertinggi iaitu mentauhidkan Allah SWT.

## **KEKUATAN DAN KEKURANGAN**

Pengkaji mendapati karya ini mempunyai kekuatan dalam aspek bahasa. Gaya bahasa Imam Al-Ghazali yang seolah-olah sedang berdialog dengan pembacanya menjadikan mesej-mesej yang disampaikannya berkesan dan mudah dihadam. Imam Al-Ghazali juga bijak dalam menangkap imaginasi pembaca dengan menghidangkan perumpamaan-perumpamaan yang lazim dan mudah dicapai pancaindera bagi menggambarkan sesuatu makna yang bersifat abstrak. Oleh kerana itu, karya ini telah menggunakan batu-batu galian yang berharga seperti delima merah, mutiara, permata dan seumpamanya bagi menggambarkan perbezaan nilai dan tahap sesuatu makna atau maqasid dalam al-Quran. Hal ini sebenarnya menunjukkan penghayatan yang mendalam terhadap gaya bahasa al-Quran yang banyak menggunakan *isti’arah* bagi menyampaikan sesuatu makna seperti lafaz *al-sirat al-mustaqim* untuk ajaran Islam, *al-nur* untuk kebenaran, *al-zulumat* untuk kebatilan, *al-hayy* untuk iman, *al-mayyit* untuk kekufuran dan lain-lain.

Selain itu, kekuatan karya ini juga terletak pada pembahagian tajuk-tajuknya yang teratur, sistematik dan berkesinambungan. Hal ini memudahkan para pembacanya menghadam idea dan konsep yang dipersembahkan. Pada hemat pengkaji, penguasaan Imam Al-Ghazali dalam ilmu mantik menyumbang secara langsung pada aspek ini. Namun begitu, sebagai manusia yang tidak maksum Imam Al-Ghazali tidak terlepas daripada kritikan. Pengkaji mendapati terdapat beberapa riwayat lemah yang dinukilkan dalam Jawahir Al-Quran. Walau bagaimanapun ia tidak menjelaskan kualiti karya ini kerana riwayat-riwayat tersebut adalah minimum dan hanya digunakan sebagai huraihan sokongan sahaja.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, buku Jawahir Al-Quran oleh Imam Al-Ghazali ini adalah karya yang sangat berharga dan penting khususnya bagi para penuntut ilmu. Pengulas mencadangkan agar buku ini diberi perhatian oleh para pengkaji tafsir dan ulum al-Quran terutamanya di peringkat pascasiswazah. Pada hemat pengulas, kita akan lebih menghargai karya ini dengan menguasai pelbagai disiplin ilmu dan memahami konteks sebenar kehidupan Imam Al-Ghazali sehingga terhasilnya karya ini. Pengulas mengharapkan buku ini dapat membantu para pengkaji tafsir dalam memberi pendedahan tentang wacana maqasid al-Quran.

## **RUJUKAN**

- Al-Baghawi, H. (1997). *Ma'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Quran*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Ghazali, A. H. (2010). *Ihya' Ulumiddin*. Riyadh: Dar Al-Fayha'.
- Al-Ghazali, A. H. (2019). *Jawahir Al-Quran*. Beirut: Dar Al-Minhaj.
- Al-Khadimi, N. (2016). *Muqtatafat min Maqasid al-Quran al-Karim: Nahw Ru'yat Ma'rifiyat wa Manhajiyat*. In M. S. Awwa, *Maqasid al-Quran al-Karim* (pp. 15-61). London: Muassasah al-Furqan.
- Al-Salabi, M. A. (2017). *Al-Imam Al-Ghazali wa Juhuduhu fi Harakat al-Islah wa al-Tajdid* . Damsyiq : Dar Ibn Kathir.
- Tabrani, A. (1994). *Al-Mu'jam Al-Kabir*. -: Maktabat Ibn Taymiyyah.

### **Arif Amin bin Rushihi**

Jabatan Usuluddin,  
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,  
Universiti Sultan Azlan Shah.